**UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH (UniSHAMS)**
**PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMC)**

| | |
|---|---|
| Ruj. Tuan :<br>Ruj Kami : 100-161(RMC)/02/GPI/2022 Bil. (02) | Tarikh : 23 Mac 2022M<br>20 Syaaban 1443H |
| Kepada : Semua ketua penyelidik berkenaan | Salinan : Timb. Naib Canselor Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa<br>Fail |

Daripada : Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)

Perkara : **MAKLUMAN GARIS PANDUAN GERAN PENYELIDIKAN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI (KPT)**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman Prof/Prof Madya/Dr/Tuan/Puan/Cik, pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) telah mengemaskini panduan perbelanjaan bagi Geran Penyelidikan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi melicinkan lagi aktiviti-aktiviti penyelidikan. Bersama-sama ini dilampirkan sesalinan Garis Panduan Perbelanjaan Geran Penyelidikan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang akan berkuatkuasa bermula Mac 2022.

3. Segala pertanyaan dan makluman boleh terus menghubungi Pusat Pengurusan Penyelidikan di talian 04-4155087/5014.

4. Segala perhatian dan tindakan segera daripada pihak Puan di dahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian,

والسلام

**'MELESTARIKAN ILMU MELALUI KEBIJAKSANAAN'**
**"KEDAH SEJAHTERA NIKMAT UNTUK SEMUA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DR RAHAYATI BINTI AHMAD)**
Pengarah

TERIMA
10 FEB 2022
RESEARCH MANAGEMENT CENTRE (RMC)
UniSHAMS

CERTIFIED TRUE COPY
ROZIATUN BINTI HASHIM
Company Secretary
MIA 13800
Date : 28/12/2021

# UNISHAMS SDN. BHD.

(No. Syarikat : 200301002054 (604474-X))
(Ditubuhkan di Malaysia)

Resolusi Yang Diluluskan Oleh Pengarah-pengarah Syarikat Mengikut Artikel Di Dalam Tataurusan Syarikat Seperti Mana Yang Diterima Pakai Oleh Akta Syarikat 2016

**RESOLUSI : GARIS PANDUAN PERBELANJAAN GERAN PENYELIDIKAN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI (KPT)**

Kertas Cadangan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Dan Pembangunan UniSHAMS Sdn. Bhd. kali ke **29 (BIL. 03/2021)** bertarikh 4 Oktober 2021.

**4.4 KERTAS CADANGAN GARIS PANDUAN PERBELANJAAN GERAN PENYELIDIKAN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI (KPT)**

Adalah menjadi satu keperluan untuk Garis Panduan Perbelanjaan Penyelidikan UniSHAMS yang sedia ada ditambah baik dengan dimasukkan bersama Garis Panduan Geran Penyelidikan KPT.

Garis panduan ini akan digunapakai untuk semua jenis geran penyelidikan yang diterima daripada KPT seperti FRGS, PRGS, LRGS, TRGS, FRGS-RACER, RAGS, ERGS, RACE, FRGS-MRSA dan lain-lain selari dengan Garis Panduan UniSHAMS iaitu Peraturan Kewangan dan Pekeliling yang berkuatkuasa.

Hal ini bertujuan, memberi galakan kepada semua penyelidik agar dapat menjalankan penyelidikan dengan lebih serius dan dapat membelanjakan peruntukan yang diberikan dengan berhemah mengikut garis panduan perbelanjaan yang ditetapkan selari dengan Garis Panduan UniSHAMS iaitu Peraturan Kewangan dan Pekeliling yang berkuat kuasa.

Ianya dapat meningkatkan pencapaian UniSHAMS dalam penilaian MyRA dan SETARA selaras dengan perancangan strategik UniSHAMS.

Dengan ini, Ahli Lembaga Pengarah bersetuju memperakukan kertas cadangan yang telah dibentangkan dan seterusnya meluluskan garis panduan perbelanjaan Geran Penyelidikan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

RMC

PROF. MADYA DR. WAN NAZJMI BIN MOHAMED FISOL
Timbalan Naib Canselor
Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa
Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah
(UniSHAMS)
9/2/22

CERTIFIED TRUE COPY
ROZIATUN BINTI HASHIM
Company Secretary
MIA 13600
Date : 28/12/2021

# UNISHAMS SDN. BHD.

(No. Syarikat : 200301002054 (604474-X))
(Ditubuhkan di Malaysia)

Resolusi Yang Diluluskan Oleh Pengarah-pengarah Syarikat Mengikut Artikel Di Dalam Tataurusan Syarikat Seperti Mana Yang Diterima Pakai Oleh Akta Syarikat 2016

**RESOLUSI : GARIS PANDUAN PERBELANJAAN GERAN PENYELIDIKAN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI (KPT)**

| **AHLI LEMBAGA PENGARAH** | **TANDATANGAN** |
|---|---|
| 1. DATO' SERI HAJI MUHAMMAD SANUSI BIN MD NOR | ........................ |
| 2. SOHIBUS SAMAHAH DATO' PADUKA SHEIKH HAJI FADZIL BIN AWANG | ........................ |
| 3. DATO' PADUKA AMMAR BIN DATO' SHAIKH MAHMOOD NAIM | ........................ |
| 4. DATO' HAJI ISAHAK BIN MURAT | ........................ |
| 5. BRIG. JEN. (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD | ........................ |
| 6. SENATOR IDRIS BIN AHMAD | ........................ |
| 7. PROF. DATO' MOHD FAKHRUDIN BIN ABDUL MUKTI | ........................ |
| 8. PROF. DR. IR. AHMAD ASHRIF BIN A BAKAR | ........................ |

TARIKH : 28 DEC 2021

**LAMPIRAN 1**

| GARIS PANDUAN PERBELANJAAN GERAN PENYELIDIKAN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI (KPT) | | | |
|---|---|---|---|
| **BIL** | **VOT** | **DESKRIPSI** | **GERAN KPT (FRGS,PRGS,LRGS,TRGS,FRGS-RACER,RAGS,ERGS,RACE,FRGS-MRSA DLL)** |
| 1 | 11000 | Elaun untuk membiayai Pembantu Penyelidik Siswazah | (Graduate Research Assistant - GRA) mod penyelidikan sepenuh masa sahaja. Siling upah dan elaun tidak melebihi RM2,300.00 untuk pelajar Ph.D dan RM1,800.00 untuk pelajar Sarjana.<br><br>Contoh:<br>Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)<br>Pembantu Penyelidik (RA) (PRGS sahaja)<br>Pegawai Penyelidik (RO) (PRGS sahaja)<br>Siswazah Pelatih (KTP sahaja)<br><br>CERTIFIED TRUE COPY<br>ROZIATUN BINTI HASHIM<br>Company Secretary<br>MIA 13600<br>Date : 28/12/2021 |
| 2 | 21000 | Perjalanan dan Pengangkutan | 1. Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan projek.<br>2. Perjalanan ke luar negara dibenarkan tertakluk kepada kecukupan geran yang telah dipohon. Hanya KetuaPenyelidik dan ahli sahaja yang dibenarkan bagi tujuan tersebut.<br>3. Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan ialah yang bertujuan untuk menghadiri persidangan untuk membentangkan hasil penyelidikan. Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi.<br>4. Untuk menghadiri persidangan ke luar negara selain kerja lapangan, sebanyak 20% dari jumlah peruntukan projek dibenarkan.<br>5. Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan tidak boleh melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran.<br>6. Bagi Geran PRGS, perjalanan domestik dan antarabangsa tidak melebihi 15% daripada jumlah geran dengan kelulusan Jawatankuasa Penilai JPT, KPM. |
| 3 | 23000 | Komunikasi dan Utiliti | Tidak dibenarkan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 4 | 24000 | Sewaan | Sewaan dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan. Setiap cadangan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga yang berkaitan.<br><br>Contoh:<br>1. Sewaan kenderaan<br>2. Sewaan makmal<br>3. Sewaan barang elektrik/elektronik |
| 5 | 27000 | Bekalan dan Bahan Penyelidikan | Perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan.<br><br>Contoh:<br>1. Perisian Komputer<br>2. Pangkalan Data<br>3. Bahan Mentah<br><br>CERTIFIED TRUE COPY<br>ROZIATUN BINTI HASHIM<br>Company Secretary<br>MIA 13600<br>Date : 28/12/2021 |
| 6 | 28000 | Baik Pulih Kecil dan Ubahsuai | Perbelanjaan baik pulih dan pengubahsuaian kecil terhadap bangunan, peralatan atau barang berkaitan penyelidikan sahaja dibenarkan.<br><br>Contoh:<br>1. Baik pulih komputer/laptop/peralatan ICT dan komunikasi |
| 7 | 29000 | Perkhidmatan Ikhtisas | Vot ini meliputi lain-lain caj perkhidmatan termasuk yuran penerbitan, yuran menghadiri seminar, mesyuarat/bengkel penyelidikan, percetakan, hospitaliti, honorarium, pengurusan, perkhidmatan profesional, konsultasi, penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.<br><br>Contoh:<br>1. Yuran seminar/persidangan<br>2. Yuran penerbitan<br>3. Yuran Kursus/Program Sangkutan Jangka Pendek (Jumlah perbelanjaan tidak melebihi 5% daripada jumlah keseluruhan geran)<br>4. Perkhidmatan penterjemahan<br>5. Perkhidmatan pembacaan pruf<br>6. Perkhidmatan Pemprosesan Data (Data entry, Data analysis)<br>7. Pembanci<br>8. Kos percetakan<br>9. Penjilidan laporan akhir<br>10. Pakej Bengkel/Mesyuarat/Perbincangan/Focus Group<br>11. Honorarium kepada responden/pakar bukan kepada ketua penyelidik ataupun ahli penyelidik bersama<br>12. Pembayaran pemfailan harta intelek (PRGS sahaja) |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 8 | 36000 | Aksesori dan Peralatan | Pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan berkenaan sahaja dibenarkan. Setiap permohonan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga mengikut pekeliling Perbendaharaan. Jumlah yang dipohon tidak melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran. |

CERTIFIED TRUE COPY

ROZIATUN BINTI HASHIM
Company Secretary
MIA 13600
Date : 23/12/2021